

UM 17 AGO 88 **PM pulang setelah 3 hari di Terengganu**

KUALA TERENGGANU 16 Ogos – Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah pagi ini berlepas pulang ke ibu negara, setelah melawat negeri ini selama tiga hari dengan aturcara yang padat.

Perdana Menteri dan isteri tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud kira-kira jam 10 pagi ini dengan helikopter dari Pulau Perhentian di mana mereka bermalam di pulau itu malam tadi dan sejurus kemudian menaiki pesawat untuk berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Menteri Besar Datuk Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan serta isteri masing-masing berada di lapangan terbang tersebut untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri.

Perdana Menteri dalam aturcara lawatannya telah merasmikan pembukaan expo 10 tahun pembangunan Terengganu di Padang Hiliran pada petang 14 Ogos.

Pada pagi semalam Perdana Menteri dan isteri melawat ke pameran expo kemajuan pembangunan di Stadium Negeri sebelum merasmikan Lapangan Terbang Kertih dan melawat kilang Perwaja dan kemudian berlepas ke Besut pada sebelah petangnya dengan mengadakan perjumpaan dengan penduduk di situ.

Lawatan Perdana Menteri ke Besut telah disifatkan sebagai satu tuah kepada penduduk daerah itu.

Menteri Besar, Datuk Amar Haji Wan Mokhtar berkata, dalam tempoh satu bulan saja Daerah Besut mencatat sejarah kerana dua orang pemimpin negara telah berkunjung ke daerah ini.

“Tanggal 26 Julai, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO manakala hari ini (semalam) pula Perdana Menteri menjejak kaki”, katanya.